



Prestasi dan Prospek Ekonomi Malaysia

Tinjauan Ekonomi Malaysia 2001

Prestasi ekonomi Malaysia tahun 2001 telah terjejas oleh kelembapan ekonomi dunia yang lebih dari jangkaan, khususnya di Amerika Syarikat (AS) serta kelembapan ekonomi Jepun yang berlanjutan. Serangan ke atas AS baru-baru ini telah menambahkan lagi ketidakpastian mengenai sejauh mana kemerosotan dan tempoh pemulihan ekonomi AS. Terdapat kebimbangan yang ekonomi AS mungkin akan mengalami kemelesetan dan kesannya yang akan menular ke negara industri dan yang sedang membangun lain. Dalam persekitaran yang lebih sukar ini, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar Malaysia pada tahun 2001 dijangka berkembang 1-2%. Berikutan pertumbuhan yang rendah dalam Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam nilai semasa iaitu pada kadar 1.8%, KNK per kapita dianggarkan lebih rendah iaitu berjumlah RM13,333 atau USD3,509 (2000: RM13,411 atau USD3,529). Walau bagaimanapun, dari segi pariti kuasa beli, pendapatan per kapita dijangka meningkat 1.3% kepada USD8,944 (2000: USD8,831) selepas mengambil kira inflasi yang lebih rendah dalam negeri.

Semua sektor ekonomi utama dijangka terjejas oleh pertumbuhan yang lebih perlahan, khususnya sektor perkilangan yang dijangka mencatatkan penurunan yang ketara dalam pertumbuhan output. Kemerosotan nilai ditambah yang ketara bagi sektor perkilangan telah diimbangi sebahagiannya oleh prestasi yang lebih baik di sektor pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Sektor perkhidmatan telah menjadi peneraju kepada pertumbuhan ekonomi didorong oleh prestasi perkhidmatan kerajaan dan sektor kecil perkhidmatan lain yang lebih baik. Dalam sektor

pembinaan, usaha rangsangan fiskal oleh Kerajaan, khususnya dalam projek infrastruktur serta pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana telah menyumbang ke arah pertumbuhan yang lebih tinggi. Dalam sektor pertanian, output minyak kelapa sawit yang lebih tinggi menyebabkan kadar pertumbuhan sektor tersebut lebih tinggi.

Berikutan daripada persekitaran luar yang semakin sukar, pertumbuhan KDNK benar telah didorong terutamanya oleh sektor dalam negeri. Peningkatan permintaan agregat dalam negeri didorong terutamanya oleh pelaburan dan penggunaan awam berikutan daripada perbelanjaan fiskal yang lebih besar. Permintaan sektor swasta mengikut harga semasa dijangka berkurangan dengan ketara kerana kelemahan permintaan luar yang lebih daripada dijangkakan. Ini menjejaskan pelaburan dalam kegiatan perkilangan serta pelaburan dalam sektor harta benda, khususnya ruang pejabat, hotel dan unit kedai. Memandangkan aktiviti pelaburan swasta merosot dengan ketara, sektor awam telah melaksanakan pakej rangsangan fiskal untuk menggerakkan aktiviti dalam negeri. Dengan itu, kedua-dua pelaburan dan penggunaan awam meningkat dengan ketara untuk terus mencatatkan pertumbuhan dua digit. Meskipun perbelanjaan sektor awam berkembang pesat, kedudukan sumber negara kekal mencatatkan lebihan walaupun tabungan negara kasar dianggarkan berkurangan berikutan pendapatan meningkat dengan perlahan.

Kedudukan imbalan pembayaran dijangka terus menggalakkan. Walaupun lebihan akaun semasa berkurangan, jumlahnya masih kukuh. Lebihan akaun semasa yang berkurangan ini berpunca

daripada lebih akaun barangan yang lebih rendah ditambah pula defisit yang kian meningkat dalam akaun pindahan. Akaun barangan dijangka mencatatkan lebih yang lebih kecil kerana penguncupan ketara eksport sementara akaun pindahan terus meningkat kerana pengiriman wang keluar yang tinggi oleh pekerja asing. Walau bagaimanapun, defisit akaun perkhidmatan mungkin bertambah baik kerana aliran masuk bersih dalam akaun perjalanan yang lebih tinggi serta aliran keluar bersih yang lebih rendah bagi akaun pengangkutan. Dengan itu, imbalan pembayaran akaun semasa dijangka mencatat lebih yang lebih kecil sebanyak 7.9% daripada KNK. Dengan defisit dijangka bertambah baik kerana aliran keluar bersih yang lebih rendah bagi pelaburan portfolio dan pelaburan lain, imbalan pembayaran keseluruhan dijangka berubah kembali mencatatkan lebih sebanyak RM459 juta.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus dicapai dalam keadaan inflasi dan pengangguran yang rendah. Inflasi kekal rendah dan stabil kerana permintaan sektor swasta yang sederhana serta langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga. Walaupun pemberhentian pekerja meningkat, negara masih menikmati kedudukan guna tenaga penuh.

Prestasi Output Mengikut Sektor

Output sektor ekonomi utama dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan dengan kemerosotan paling ketara di sektor perkilangan. Prestasi sektor utama adalah bercampur-campur dengan sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi manakala sektor perlombongan kekal tidak berubah. Dalam sektor sekunder, sektor yang paling terjejas ialah sektor perkilangan dengan pertumbuhannya berkurang dengan ketara, sementara sektor pembinaan mendapat faedah daripada perbelanjaan fiskal sektor awam yang meningkat. Prestasi sektor perkhidmatan juga bercampur-campur dengan sektor kecil seperti elektrik dan gas serta pengangkutan yang terjejas akibat kemerosotan sektor perkilangan. Sektor kecil ini mencatatkan pertumbuhan sederhana, sementara sektor perkhidmatan kerajaan dan sektor kecil perkhidmatan lain dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi.


Selepas mencatatkan pertumbuhan tinggi dua digit untuk tujuh suku tahun berturut-turut, nilai ditambah **sektor perkilangan** dijangka berkurangan dengan ketara kepada 0.2% pada tahun 2001 (2000: 21%). Pengurangan ini adalah disebabkan sebahagian besarnya daripada pasaran global yang lembab bagi keluaran elektronik. Memandangkan keluaran elektronik merupakan hampir separuh daripada eksport barangan perkilangan Malaysia, prestasi output industri elektronik yang telah merosot kepada 13.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001 (Januari-Julai 2000: 15.1%) amat menjejaskan pertumbuhan sektor perkilangan. Sungguhpun industri berorientasikan pasaran eksport terjejas akibat kelemahan permintaan luar, industri berorientasikan pasaran dalam negeri adalah lebih berdaya tahan disebabkan terutamanya oleh peningkatan output industri bahan binaan, peralatan pengangkutan dan keluaran pengguna serta industri berasaskan sumber. Peningkatan pengeluaran dalam industri-industri ini telah menjadi pendorong kepada pertumbuhan dan dapat menyerap sebahagian daripada kemerosotan dalam sektor perkilangan. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor ini telah menyebabkan sumbangannya kepada KDNK berkurang dengan ketara kepada 0.1 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK benar (2000: 6.3 mata peratusan).

Sektor pertanian, penternakan, perhutanan dan perikanan dijangka berkembang pada kadar lebih tinggi sebanyak 1.2% (2000: 0.6%). Ini berpunca daripada output minyak kelapa sawit yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, output getah dan balak terus merosot.

Dalam **sektor perlombongan**, pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dijangka akan mengatasi kemerosotan pengeluaran minyak mentah. Oleh itu, sektor ini dijangka meningkat perlahan sebanyak 0.9% (2000: 3.1%).

Nilai ditambah bagi **sektor pembinaan**, sebaliknya dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 4.9% (2000: 1%) didorong oleh program pengembangan fiskal Kerajaan, terutamanya bagi projek infrastruktur dan pembinaan rumah kediaman kos rendah dan sederhana.

CARTA 2.1
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



¹ Anggaran

² Urusan

³ Berdasarkan M.S., Jun, September dan Disember termasuk Repo (sangat) pada tahun 2001. & bu mese, M.S., Jun dan Ogos

Sektor perkhidmatan dijangka mengekalkan pertumbuhannya pada 4.4% (2000: 4.8%). Sementara sektor elektrik, gas dan air, jualan borong dan runcit serta hotel dan restoran dijangka mencatatkan pertumbuhan yang sederhana selaras dengan kemerosotan dalam sektor perkilangan yang lembab dan sentimen pengguna yang lemah, sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka mencapai pertumbuhan kukuh. Ini disebabkan oleh kadar faedah yang rendah yang mendorong lebih banyak pinjaman bank, terutamanya untuk perumahan dan barang pengguna tahan lama serta permintaan yang lebih tinggi untuk produk insurans. Memandangkan sektor perkhidmatan menyumbang 54.6% kepada KDNK, pertumbuhan kukuh sektor ini serta jangkakan kemerosotan ketara daripada sumbangan sektor perkilangan menjadikan sektor perkhidmatan sebagai penyumbang terbesar, iaitu 2.3 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2000: 2.6 mata peratusan).

Permintaan Dalam Negeri

Permintaan agregat dalam negeri (tidak termasuk perubahan stok) dijangka berkurangan dengan ketara kepada 7.1% selepas mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 19.5% pada tahun 2000. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini adalah akibat daripada perbelanjaan sektor swasta yang lemah dengan pertumbuhannya berkurangan dengan ketara kepada 3.6% berbanding dengan 20.4% pada tahun lepas. Pengurangan dalam **perbelanjaan sektor swasta**, sebahagiannya diimbangi oleh pengembangan fiskal yang besar oleh sektor awam dengan **perbelanjaan sektor awam** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 15.4% (2000: 17.6%).

Pelaburan awam dijangka mengekalkan pertumbuhan dua digit iaitu 15.4% (2000: 26.6%). Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dalam Belanjawan 2001 telah ditambah lagi dengan pelaksanaan pakej *pre-emptive* sebanyak RM3 bilion pada bulan Mac serta tambahan sebanyak RM4.3 bilion pada bulan September, untuk menangani keadaan yang mungkin bertambah genting berikutan serangan ke atas AS. Selain daripada Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), khususnya

Petroleum Nasional Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad juga meningkatkan perbelanjaan mereka dalam pelaburan baru untuk meningkatkan taraf perkhidmatan dan kapasiti mereka. Peningkatan perbelanjaan sektor awam dijangka menyebabkan sumbangan sektor awam kepada jumlah pelaburan meningkat kepada 53.2% pada tahun 2001 daripada 50.1% pada tahun 2000 dan ini menyumbang 2.4 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK (2000: 2.8 mata peratusan).

Penggunaan awam yang menyumbang 45.3% kepada jumlah perbelanjaan awam dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi pada kadar 15.3% (2000: 8.3%) untuk menyokong peningkatan dalam pelaburan awam. Peningkatan ini adalah terutamanya untuk bekalan dan perkhidmatan serta emolumen. Pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan awam dijangka meningkatkan sumbangannya kepada jumlah penggunaan kepada 21.7% pada tahun 2001 (2000: 20%)

Pelaburan sektor swasta terjejas, terutamanya oleh kemerosotan dalam pertumbuhan output sektor perkilangan serta perbelanjaan pelaburan yang berkurangan dalam sektor harta benda, khususnya ruang pejabat, hotel dan unit kedai. Dengan sebab itu, pertumbuhan pelaburan swasta dijangka menurun dengan ketara kepada 2% daripada pertumbuhan tinggi dua digit sebanyak 35.9% pada tahun 2000. Dengan demikian, sumbangannya kepada jumlah pelaburan dijangka berkurang kepada 46.8% berbanding dengan 49.9% pada tahun 2000.

Perbelanjaan **penggunaan swasta** juga dijangka meningkat, sebanyak 4.1% (2000: 16.4%). Ini adalah berikutan daripada sedikit penguncupan pendapatan boleh guna sektor swasta disebabkan oleh pendapatan sektor korporat yang lebih rendah dalam industri berorientasikan pasaran eksport dan kesan kekayaan yang negatif daripada pasaran saham yang lembab serta meningkatnya ketidakpastian dalam prospek pekerjaan. Semuanya ini membuat sentimen pengguna lebih berwaspada. Untuk menggalakkan penggunaan swasta, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah dalam Belanjawan 2001, termasuk memberi rebat cukai yang lebih tinggi kepada pembayar cukai individu,

melonggarkan syarat bagi mendapatkan pinjaman kereta, mengurangkan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta menghapuskan caj sebanyak RM50 untuk kad kredit.

Permintaan Luar

Prestasi permintaan luar negara sangat terjejas oleh kelembapan yang ketara dikalangan ekonomi industri, terutamanya oleh penurunan kitaran elektronik global yang melampaui jangkaan. **Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka merosot dengan ketara sebanyak 9.3% (2000: 17%), selepas mencatatkan pertumbuhan yang kukuh selama 15 tahun. Dengan itu, sumbangan daripada permintaan luar kepada KDNK dijangka berkurang kepada 112.3% (2000: 125.5%).

Eksport barangan dijangka merosot 10.8% kepada RM333,464 juta setelah mengalami pertumbuhan kukuh dua digit sebanyak 17% pada tahun 2000, berpunca daripada penguncupan ketara eksport barangan perkilangan, khususnya barangan elektronik. Permintaan global yang lemah bagi barangan elektronik menyebabkan jualannya merosot dengan ketara serta inventori meningkat kepada paras yang tinggi. Prestasi eksport komoditi utama juga dijangka tidak menggalakkan, terutamanya berpunca daripada harga yang lebih rendah bagi semua komoditi utama, termasuk minyak kelapa sawit dan minyak mentah. **Eksport perkhidmatan bukan faktor** dijangka berkurang kepada 1.7% berbanding dengan 16.8% pada tahun 2000. Ini adalah selaras dengan eksport barangan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, di kalangan perkhidmatan bukan faktor, sumbangan besar dari industri pelancongan terus menyokong output sektor ini. Dalam tempoh Januari-Ogos 2001, bilangan ketibaan pelancong berjumlah 9.5 juta iaitu peningkatan 44.1% berbanding tempoh yang sama tahun 2000.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor juga dijangka merosot 9.2% berbanding dengan pertumbuhan tinggi dua digit sebanyak 23.9% pada tahun 2000. Pengurangan ini mencerminkan keadaan permintaan dalam negeri yang sederhana serta pengurangan import bagi

input perantaraan untuk sektor perkilangan. Pertumbuhan yang lebih rendah dalam pelaburan swasta juga menyebabkan import barangan modal lebih rendah, sementara sentimen pengguna yang lebih berhati-hati menyebabkan import barangan pengguna lebih sederhana. Import barangan perantaraan dijangka mencatatkan penguncupan sebanyak 11.4% sementara import barangan modal dan penggunaan dijangka mencatatkan kemerosotan kecil masing-masing sebanyak 1% dan 5.3%.

Imbangan Pembayaran

Kedudukan imbangan pembayaran Malaysia dijangka terus kukuh meskipun persekitaran luar semakin lemah. Lebihan dalam **akaun semasa** kekal besar sebanyak RM25,070 juta atau 7.9% daripada KNK (2000: 10.2% daripada KNK), iaitu mencatatkan lebihan untuk empat kali berturut-turut sejak tahun 1998. Lebihan yang rendah sedikit ini disebabkan sebahagiannya oleh aliran masuk bersih yang lebih rendah dalam akaun barangan dan aliran keluar bersih yang lebih besar dalam akaun pindahan.

Akaun barangan dijangka terus mencatatkan lebihan sebanyak RM69,175 juta, iaitu lebih rendah berbanding RM79,247 juta dalam tahun 2000. Lebihan yang lebih rendah ini berpunca daripada pengurangan ketara eksport (10.8%) berbanding dengan import (10.3%). Dalam **akaun perkhidmatan**, jumlah import yang lebih rendah serta penguncupan eksport dijangka mengurangkan aliran keluar dalam pengangkutan dan perkhidmatan lain. Dalam masa yang sama, penerimaan yang lebih tinggi daripada akaun perjalanan, disebabkan terutamanya oleh peningkatan ketara dalam bilangan ketibaan pelancong, dijangka menyumbang kepada penguncupan defisit yang ketara dalam akaun perkhidmatan kepada RM7,694 juta (2000: -RM11,212 juta).

Dengan pendapatan korporat yang lebih rendah berikutan daripada eksport yang semakin lemah, terutamanya bagi syarikat multinasional dalam industri elektronik, **akaun pendapatan** (terutamanya pendapatan pelaburan), dijangka mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM27,627 juta (2000: -RM28,554 juta). Ini

disebabkan oleh penghantaran balik keuntungan yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, defisit dalam **akaun pindahan** dijangka meningkat kepada RM8,784 juta (2000: -RM7,522 juta), berikutan pengirisan wang keluar yang lebih tinggi oleh pekerja asing.

Akaun kewangan, yang mengandungi pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain, termasuk pinjaman, kredit perniagaan dan deposit bank, dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM17,948 juta (2000: -RM23,848 juta). Prestasi yang lebih baik ini berpunca daripada aliran masuk bersih pelaburan langsung yang berterusan (RM5,642 juta) dan aliran keluar bersih yang lebih kecil bagi pelaburan portfolio (-RM3,329 juta) dan pelaburan lain (-RM20,261 juta). Aliran masuk bersih pelaburan langsung mencerminkan komitmen pelaburan secara berterusan oleh pelabur asing serta pembelian ekuiti oleh pihak asing dalam sektor kecil perkhidmatan yang tertentu seperti industri perkapalan dan pengangkutan. Bagi pelaburan lain, aliran keluar bersih yang lebih kecil disebabkan sebahagiannya daripada perbezaan kadar faedah yang mengecil antara dalam dan luar negeri, terutamanya di AS. Dengan itu, ianya akan mengurangkan galakan bagi rakyat Malaysia menyimpan dana di luar negeri dalam masa yang lebih panjang. Pelaburan luar negara oleh syarikat Malaysia dijangka berkurang berdasarkan kriteria kelulusan yang ketat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) serta penutupan perniagaan luar negeri, berikutan daripada penstrukturan semula korporat yang dilaksanakan oleh syarikat Malaysia.

Kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran dijangka lebih baik sedikit dengan mencatatkan lebihan sebanyak RM459 juta selepas mengalami defisit yang besar sebanyak RM3,703 juta dalam tahun 2000. Lebihan ini adalah satu pencapaian yang bermakna memandangkan aliran keluar bersih kesilapan dan ketinggalan, termasuk kerugian nilai semula tukaran asing, berjumlah RM6,663 juta (2000: -RM11,814 juta). Oleh itu, rizab bersih antarabangsa dijangka kekal kukuh dalam tahun ini. Pada 29 September 2001, rizab ini berjumlah RM112,934 juta atau USD29,720 juta, satu

peningkatan yang ketara daripada tahap terendah pada bulan Mei tahun 2001 (RM98,536 juta atau USD25,931 juta). Kedudukan rizab ini adalah mencukupi untuk membiayai 4.6 bulan import tertanggung dan 6.2 kali lebih tinggi daripada hutang luar jangka pendek.

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Persekitaran luar yang terus lemah dan kesannya yang menjejaskan permintaan swasta dalam negeri memerlukan Kerajaan meningkatkan rangsangan fiskal untuk mengukuhkan aktiviti ekonomi dalam negeri. Berikutan itu, kedudukan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM22,379 juta atau 6.5% daripada KDNK, berbanding dengan RM19,715 juta atau 5.8% daripada KDNK pada tahun 2000. Meskipun defisit ini lebih besar, Kerajaan terus mengamalkan dasar berhemat dan memastikan sumber-sumber kewangannya diurus dengan berdisiplin. Defisit ini masih berada di tahap terkawal dan mapan, memandangkan sebahagian besarnya dibiayai daripada sumber-sumber dalam negeri yang tidak menimbulkan tekanan inflasi. Oleh itu, tahap hutang luar dan kadar khidmat hutang terus kekal rendah.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan prestasi yang kukuh sebanyak 11.6%, iaitu berjumlah RM69,011 juta, peningkatan yang tertinggi sejak tahun 1998. Ini berpunca sebahagian besarnya daripada kutipan cukai pendapatan korporat dan petroleum yang lebih tinggi. Cukai pendapatan korporat yang semakin meningkat disebabkan oleh kerugian yang dibawa kehadiran daripada tahun sebelumnya telah berkurangan ditolak daripada keuntungan semasa, sementara kutipan yang lebih banyak untuk cukai pendapatan petroleum berpunca daripada harga petroleum yang lebih baik meningkat daripada USD18 setong pada tahun 1999 kepada USD30 setong pada tahun 2000. Sumber hasil utama lain termasuk cukai jualan, duti eksais dan cukai perkhidmatan juga dijangka meningkat sederhana. Hasil bukan cukai, termasuk pendapatan pelaburan dan fi daripada lesen dan permit dijangka mencatatkan prestasi

yang baik memandangkan pencapaian syarikat kerajaan yang meningkat serta jualan kenderaan bermotor yang menggalakkan.


Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 8.1% (2000: 21.2%), sebahagian besarnya untuk emolumen, bayaran faedah serta bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan yang besar adalah untuk **bekalan dan perkhidmatan** serta peningkatan perbelanjaan **emolumen** berikutan daripada kenaikan elaun, khususnya untuk polis, anggota tentera dan jururawat, doktor dan guru besar. Perbelanjaan bagi **khidmat bayaran hutang** kekal rendah, sebahagian besarnya untuk faedah hutang dalam negeri. Dengan hasil menunjukkan prestasi yang lebih kukuh sementara perbelanjaan mengurus meningkat lebih rendah, **akaun semasa** Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM7,879 juta (2000: RM5,317 juta). Kerajaan Persekutuan sentiasa mencatatkan lebihan dalam akaun semasanya, selaras dengan dasar fiskal berhemat dan berdisiplin dalam menguruskan kewangannya.

Perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 14.7% kepada RM32,058 juta (2000: 23.6%, RM27,941 juta), berikutan daripada pakej rangsangan tambahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Kerajaan telah mengumumkan pakej pre-emptive pertama pada bulan Mac sebanyak RM3 bilion untuk meningkatkan kapasiti latihan dalam pembangunan sumber manusia melalui pembinaan universiti, kolej komuniti dan sekolah satu sesi serta meningkatkan dana untuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana. Pada bulan September, pakej tambahan sebanyak RM4.3 bilion telah diumumkan, terutamanya untuk projek pembangunan luar bandar dan projek terpilih untuk pembangunan bandar, latihan untuk graduan yang menganggur dan pekerja yang diberhentikan. Selepas mengambil kira perbelanjaan yang tinggi ini, defisit keseluruhan dijangka meningkat kepada 6.5% daripada KDNK. Memandangkan tahap kecairan yang tinggi dalam sistem kewangan, kira-kira 82.2% daripada defisit akan dibiayai daripada sumber dalam negeri. Sebahagian besar pembayaran ini adalah daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan, dengan bakinya melalui pinjaman luar negeri.

Kedudukan Sumber Negara

Kedudukan sumber negara terus kukuh dengan **jurang tabungan pelaburan** mencatatkan lebihan sebanyak RM25,070 juta atau 7.9% daripada KNK. Walau bagaimanapun, lebihan ini adalah lebih rendah berbanding RM31,959 juta atau 10.2% daripada KNK pada tahun 2000. Lebihan sumber yang berkurangan ini berpunca sebahagian besarnya daripada tabungan sektor swasta yang berkurangan. Sebaliknya, **pembentukan modal tetap kasar** dijangka mencatatkan pertambahan sederhana berikutan, terutamanya daripada dasar fiskal Kerajaan yang berkembang.

Tabungan sektor swasta dijangka terjejas daripada pendapatan yang lebih rendah berikutan pendapatan eksport yang berkurangan serta meningkatnya ketidakpastian peluang pekerjaan. Dengan penggunaan swasta kekal tinggi pada 47.5% daripada KNK, tabungan sektor swasta



dijangka berkurangan sedikit kepada 19.3% daripada KNK (2000: 24.3%). Dengan prestasi hasil Kerajaan yang kukuh, **tabungan sektor awam** dijangka meningkat ketara sebanyak 15.6% kepada RM54,875 juta atau 17.3% daripada KNK (2000: 15.2% daripada KNK). Dengan itu, **tabungan negara kasar** dijangka berkurangan kepada RM116,212 juta atau 36.6% daripada KNK pada tahun 2001 (2000: 39.5% daripada KNK).

Perkembangan Monetari

Memandangkan persekitaran luar yang lemah, dasar monetari pada tahun 2001 kekal akomodatif bagi menyokong pertumbuhan dalam negeri dan untuk menyerap kesan kelembapan ekonomi dunia ke atas ekonomi negara. Keadaan inflasi yang rendah serta kadar faedah yang menurun di seluruh dunia membolehkan Kerajaan melonggarkan dasar monetari untuk menyokong rangsangan fiskal yang lebih besar tanpa memberi tekanan ke atas harga dan upah. Kadar faedah yang kekal rendah sementara tahap mudah tunai dalam sistem kewangan yang kekal tinggi mencerminkan dasar kewangan yang longgar.

Aktiviti pinjaman terus bertambah baik dengan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan oleh sistem perbankan meningkat 5.6% kepada RM468,391 juta pada akhir bulan Ogos 2001. Ini didorong oleh pertumbuhan kredit yang lebih tinggi dalam sektor perniagaan dan isi rumah. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2001, pengeluaran pinjaman kekal tinggi, meningkat 7.5% berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Sebahagian besar pinjaman adalah untuk pembiayaan harta kediaman, khususnya untuk rumah kos rendah dan sederhana untuk merebut peluang yang ditawarkan oleh Kerajaan, seperti pengecualian duti setem dan yuran pemprosesan. Pinjaman yang lebih tinggi juga disalurkan kepada sektor perkilangan serta untuk kredit penggunaan, khususnya untuk pembelian kereta penumpang. Sementara itu, pembiayaan melalui pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) juga meningkat, khususnya untuk pembiayaan projek jangka panjang. Justeru, pembiayaan agregat melalui pinjaman daripada sektor perbankan dan PDS meningkat 8% pada akhir bulan Ogos 2001.

Kadar faedah kekal stabil dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi. Purata kadar pinjaman asas (BLR) bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal rendah sejak Ogos 1999 sementara purata kadar pinjaman tetap stabil. Walaupun demikian, memandangkan pertumbuhan ekonomi global yang kian lemah dan berikutan tindakan mengurangkan kadar faedah oleh bank-bank pusat lain, BNM telah mengurangkan kadar campur tangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 5% pada 20 September 2001. Dengan pengurangan ini, had BLR bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing merosot kepada 6.42% dan 7.46% (daripada 6.83% dan 7.98%). Pengurangan ini bertujuan untuk meningkatkan sentimen perniagaan dan pengguna bagi meningkatkan aktiviti ekonomi.

Pasaran Ekuiti

Selaras dengan perkembangan di bursa utama dunia dan serantau, prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam tempoh sembilan bulan pertama 2001 terjejas oleh sentimen pelabur yang lebih lemah berikutan daripada kebimbangan mengenai pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan. BSKL memulakan tahun ini dengan lonjakan Tahun Baru Cina dengan Indeks Komposit BSKL (KLCI) ditutup pada 727.73 mata pada akhir Januari. Sejak April, indeks menurun sebelum pulih dan ditutup pada 659.40 mata pada akhir Julai, berikutan daripada perkembangan yang optimis dalam pengambilalihan dan penggabungan sektor korporat. Walau bagaimanapun, serangan ke atas AS telah menyebabkan harga saham jatuh di seluruh dunia, termasuk KLCI yang merosot kepada 615.34 mata pada akhir bulan September. Sungguh pun begitu, prestasi KLCI masih jauh lebih baik berbanding prestasi bursa serantau terpilih. Dalam tempoh akhir 2000 hingga akhir September 2001, KLCI merosot sebanyak 9.5% berbanding Komposit Indeks Filipina (-24.6%), STI (-31.5%) dan Indeks Nikkei (-29.1%).

Inflasi

Inflasi kekal rendah di bawah paras 2% sejak tahun 1999. Indeks Harga Pengguna (IHP)

mencatatkan peningkatan hanya 1.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2001, yang terendah sejak 1999. Ini disebabkan terutamanya oleh kadar pertukaran yang stabil, kadar inflasi luar yang rendah, harga minyak mentah dan komoditi yang rendah serta lebihan kapasiti dalam beberapa sektor ekonomi dalam negeri. Jangkaan aktiviti ekonomi yang kekal sederhana serta prospek pekerjaan yang kurang menggalakkan dan keyakinan pengguna yang rendah akan terus memberi kesan yang sederhana terhadap harga dalam negeri. Oleh itu, inflasi dijangka berkurang kepada 1.3% pada tahun 2001.

Paras IHP yang sederhana dicerminkan dalam kebanyakan indeks kecil, terutamanya bagi makanan yang menyumbang lebih daripada satu pertiga kepada wajaran IHP. Indeks kecil sektor makanan meningkat sedikit pada kadar 0.6% dalam tempoh lapan bulan pertama 2001 sementara sewa kasar, minyak dan kuasa meningkat 1.6%. Pertambahan harga makanan yang sedikit adalah kerana hasil pengeluaran yang tinggi berikutan keadaan cuaca yang baik serta kemajuan langkah Kerajaan membendung kenaikan harga barangan asas, khususnya makanan.

Pasaran Buruh

Aktiviti ekonomi yang perlahan menjejaskan juga pasaran buruh. Dengan peluang pekerjaan dijangka meningkat 1.5% dan tenaga buruh meningkat 2.4%, kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 3.9% daripada 3.1% pada tahun 2000. Walaupun kadar pengangguran lebih tinggi, ianya masih di bawah 4% dan oleh itu negara masih berada di tahap guna tenaga penuh. Bilangan pekerja yang diberhentikan berjumlah 20,038 orang, terutamanya di sektor kecil elektronik. Meskipun terdapatnya pemberhentian pekerja, negara terus mengalami kekurangan pekerja. Ini mencerminkan ketidaksepadanan kemahiran, kecenderungan pekerjaan serta buruh tak mobiliti dalam kawasan tertentu.

Negara masih bergantung kepada pekerja asing dengan bilangan pekerja asing berdaftar meningkat kepada 810,695 orang daripada 732,588 orang pada tahun 2000. Berdasarkan keadaan pasaran buruh yang lebih mudah,

tekanan ke atas upah adalah terkawal seperti dicerminkan oleh kadar peningkatan upah yang lebih rendah dalam semua kategori pekerja dalam sektor perkilangan.

Prospek 2002

Keadaan sektor luar pada tahun 2002 masih tidak menentu, khususnya selepas berlaku serangan ke atas AS. Walaupun pada amnya AS mungkin dapat mengelak daripada kemelesetan, pemulihan dijangka tertangguh sehingga lewat 2002. Prospek pemulihan di Jepun terus tidak menggalakkan, dengan ekonominya dijangka tidak akan mengalami pertumbuhan yang cepat. Dengan prestasi di AS dan Jepun yang lemah, pertumbuhan dunia disemak semula dengan pertumbuhan KDNK berkurang kepada 2.6%, manakala bagi negara-negara industri utama pula kepada 1.3%.

Dalam persekitaran sektor luar yang tidak menentu, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan terus diterajui oleh aktiviti dalam negeri. Sehubungan ini, Kerajaan akan terus mengamalkan dasar fiskal berkembang untuk mengukuhkan permintaan dalam negeri bagi menjana pertumbuhan. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memastikan persekitaran perniagaan yang lebih sesuai bagi perkembangan dan inisiatif sektor swasta bertujuan untuk meningkatkan keyakinan dan komitmen peniaga.

Prestasi Output Mengikut Sektor

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 4-5% pada tahun 2002, diterajui oleh prestasi yang baik dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Pemulihan dalam sektor elektronik global akan menyumbang ke arah pertumbuhan dalam sektor perkilangan sementara tahap perkembangan dalam sektor perkhidmatan akan didorong oleh aktiviti ekonomi yang lebih cergas dan rangsangan fiskal kerajaan.

Pertumbuhan **sektor pertanian** dijangka lebih perlahan pada 0.8% (2001: 1.2%) berikutan kemerosotan dalam pengeluaran minyak kelapa sawit mentah, getah dan balak. Pengeluaran

minyak kelapa sawit mentah dijangka merosot 2.1% disebabkan kitaran penghasilan tanaman yang rendah serta pengurangan keluasan tanah berikutan langkah tanam semula. Pengeluaran getah juga dijangka mengalami penguncupan 1.7% sejajar dengan obligasi negara dalam perjanjian tiga pihak antara Malaysia, Indonesia dan Thailand untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak 4%. Ini bertujuan untuk menghadkan pengeluaran lebihan dan menaikkan harga. Pengeluaran balak pula dijangka merosot 2.9%, selaras dengan dasar pengurusan hutan kekal. Sebaliknya, sektor pertanian lain seperti akuakultur, perikanan dan pelbagai tanaman seperti tembakau, lada hitam dan herba dijangka mencatatkan pengeluaran yang lebih tinggi.

Selaras dengan jangkaan peningkatan aktiviti ekonomi dan penggunaan gas yang lebih besar sebagai sumber tenaga, pengeluaran gas asli dijangka berkembang kepada 11.4% untuk memenuhi peningkatan dalam permintaan tempatan dan pasaran eksport. Pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi sebanyak 2.4% kepada 695,900 tong sehari, bersama dengan peningkatan pengeluaran gas asli, akan menyumbang kepada pertumbuhan nilai tambah yang lebih tinggi di dalam **sektor perlombongan** pada 4.3%.

Sektor perkilangan dijangka berkembang 6.5% (2001: 0.2%), berikutan pemulihan permintaan elektronik global yang telah ditunjukkan dalam pengurangan stok chip yang tidak terjual. Proses pemulihan ini dijangka akan dibantu oleh perbelanjaan fiskal AS ke atas peralatan elektronik ketenteraan untuk pengawasan dan rangkaian komunikasi yang akan meningkatkan permintaan bagi chip, berikutan serangan 11 September. Peningkatan permintaan dalam negeri berikutan rangsangan fiskal akan turut meningkatkan pengeluaran daripada sektor ini, khususnya industri berkaitan pembinaan. Perbelanjaan pengguna terhadap kereta penumpang dan barangan rumah yang tahan lama seperti mesin basuh, peti sejuk dan alatan pandang dengar dijangka lebih tinggi dengan pemulihan dalam keseluruhan ekonomi. Dengan itu, sektor perkilangan dijangka menyumbang 2.1 mata peratusan terhadap pertumbuhan KDNK benar.

Pemulihan dalam pelaburan sektor swasta dan pengembangan fiskal akan menyumbang sebanyak 4.3% kepada pertumbuhan dalam **sektor pembinaan**. Permintaan untuk perumahan, khususnya rumah kos rendah dan sederhana, selain projek infrastruktur dalam sektor kecil kesihatan dan pendidikan serta pembangunan luar bandar melalui langkah pre-emptive RM3 bilion pada Mac dan pakej RM4.3 bilion pada September akan turut menyumbang kearah pertumbuhan dalam sektor ini.

Nilai tambah **sektor perkhidmatan** dijangka meningkat 5.3% (2001: 4.4%) seiring dengan prestasi lebih baik sektor ekonomi utama dan sekunder. Pengeluaran sektor perkilangan yang lebih tinggi akan menyumbang ke arah perkembangan kegiatan sektor kecil perkhidmatan yang berkaitan, khususnya elektrik, gas dan air yang dijangka meningkat 6.9% dan pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi sebanyak 7%. Dengan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi dijana oleh rangsangan fiskal, pertumbuhan sektor kecil perkhidmatan kerajaan dijangka berkembang 6.1% manakala peningkatan ketibaan pelancong khususnya daripada kawasan serantau akan turut menjana aktiviti dalam sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran sebanyak 3.9%. Sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan juga dijangka meningkat 5.6% dalam suasana kadar faedah yang rendah yang dijangka mengekalkan permintaan bagi perumahan dan barangan pengguna, selain peningkatan bagi produk insurans. Dengan itu, sektor perkhidmatan dijangka menyumbang kepada 2.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar.

Permintaan Dalam Negeri

Permintaan agregat dalam negeri (tidak termasuk perubahan dalam stok) mengikut harga semasa dijangka meningkat 5.5%. Ini selaras dengan jangkaan peningkatan dalam pendapatan eksport dan rangsangan fiskal bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. **Penggunaan swasta** dianggarkan meningkat 5.5% memandangkan pendapatan yang lebih tinggi hasil daripada peningkatan ekonomi negara. **Pelaburan swasta** juga diunjurkan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10% selepas

meningkat dengan perlahan sebanyak 2% pada tahun 2001. Pertambahan dalam pelaburan swasta dicerminkan oleh kelulusan pelaburan projek perkilangan daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, iaitu meningkat kepada RM18,183 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001 (Januari-Julai 2000: RM17,316 juta). Pelaburan dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan industri berkaitan juga dijangka meningkat. Bilangan syarikat yang diberi taraf MSC berkembang kepada 563 buah pada akhir September 2001 (akhir 2000: 429 buah syarikat), mencerminkan peningkatan pelaburan dalam kegiatan ICT.

Walaupun dasar fiskal berkembang diteruskan, jumlah peruntukan pembangunan dijangka lebih rendah selaras dengan pertimbangan dasar yang berhati-hati untuk menjamin kedudukan kewangan sektor awam yang berhemat dan mapan. Oleh itu, **pelaburan awam** dijangka menguncup sedikit pada kadar 0.4% kepada RM50,147 juta (2001: 15.4%) berikutan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, **penggunaan awam** dijangka meningkat 7.4% (2001: 15.3%), ekoran pertambahan perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan serta emolumen.

Permintaan Luar

Sumbangan daripada sektor luar kepada ekonomi negara dijangka kembali positif, hasil daripada perkembangan sektor perdagangan yang lebih baik. **Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka meningkat semula sebanyak 6.4% (2001: -9.3%), sementara import sebanyak 5.9% (2001: -9.2%). Dengan kadar pertumbuhan eksport melebihi import, kedudukan permintaan luar bersih dijangka menyumbangkan secara positif kepada pertumbuhan KDNK sebanyak 0.8 mata peratusan (2001: -1.5 mata peratusan).

Eksport barangan dijangka pulih dengan sederhana sebanyak 6% (2001: -10.8%), disokong sebahagian besarnya oleh peningkatan eksport barangan perkilangan. Peningkatan eksport ini adalah berpunca terutamanya daripada keluaran elektronik, sejajar dengan pemulihan

permintaan global bagi elektronik dan komoditi utama, khususnya minyak kelapa sawit dan gas asli cecair. **Eksport perkhidmatan bukan faktor** juga dijangka meningkat 8.6% (2001: 1.7%), dengan pendapatan yang lebih tinggi akan diperolehi daripada pengangkutan. Begitu juga daripada perjalanan, terutamanya di kalangan pelancong serantau, meskipun terdapat jangkaan yang sederhana dalam ketibaan pelancong, khususnya dari AS dan Eropah, berikutan serangan ke atas AS pada bulan September.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat 5.9% (2001: -9.2%). Ini selaras dengan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh serta perkembangan eksport yang lebih baik. **Import barangan** dijangka meningkat 5.8%, meliputi sebahagian besar import barangan perantaraan. Kegiatan pelaburan yang lebih pesat pula dijangka akan meningkatkan permintaan barangan modal. **Import perkhidmatan bukan faktor** diunjurkan meningkat 6.5% (2001: -4.1%), berikutan terutama daripada pembayaran pengangkutan dan perkhidmatan lain yang lebih tinggi.

Imbangan Pembayaran

Dalam imbangan pembayaran negara, kedudukan akaun semasa Malaysia dijangka terus mencatatkan lebihan yang besar untuk tempoh lima tahun berturut-turut. Jumlah lebihan yang lebih tinggi dalam **akaun barangan** sebanyak RM73,775 juta adalah lebih daripada cukup untuk mengimbangi defisit dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan. Jumlah defisit **perkhidmatan** dijangka bertambah baik sedikit kepada RM7,013 juta (2001: -RM7,694 juta), berikutan terutamanya oleh jangkaan aliran masuk bersih yang lebih tinggi dalam akaun perjalanan iaitu sebanyak RM14,168 juta (2001: RM12,782 juta).

Walaupun bagaimanapun, **akaun pendapatan** dijangka mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM29,120 juta (2001: -RM27,627 juta), berikutan prestasi sektor korporat yang lebih baik sejajar dengan jangkaan aktiviti ekonomi yang lebih baik. Dengan mengambil kira aliran keluar bersih dalam **akaun**

pindahan sebanyak RM8,966 juta (2001: -RM8,784 juta), disebabkan penghantaran balik wang yang lebih banyak oleh pekerja asing ke negara asal mereka, **akaun semasa** dijangka mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM28,676 juta atau 8.4% daripada KNK (2001: RM25,070 juta atau 7.9% daripada KNK).

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Sebagai langkah mendorong aktiviti ekonomi dalam negeri, Kerajaan akan meneruskan dasar rangsangan fiskal. Langkah ini akan membawa kepada belanjawan defisit bagi tahun kelima berturut-turut. Belanjawan berkembang ini akan dibiayai terutamanya dari sumber dalam negeri yang tidak menimbulkan tekanan inflasi. Peningkatan hasil yang kukuh dijangka menyebabkan lebihan **akaun semasa** meningkat meskipun perbelanjaan operasi lebih tinggi. Setelah mengambil kira perbelanjaan pembangunan, defisit keseluruhan dijangka bertambah baik ke paras 5% daripada KDNK (2000: 6.5% daripada KDNK).

Peningkatan **hasil** yang kukuh pada paras 6.4% dijangka berpunca terutamanya daripada peningkatan dalam kutipan cukai korporat dan individu serta cukai perkhidmatan dan jualan. Ini adalah hasil dari prestasi sektor korporat yang bertambah baik serta peningkatan dalam pendapatan dan penggunaan. Selain dari emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta bayaran perkhidmatan hutang, **perbelanjaan mengurus** adalah lebih tinggi disebabkan oleh kerja-kerja peningkatan dan penyelenggaraan, penyediaan latihan kepada para graduan yang menganggur dan pekerja yang diberhentikan serta bantuan kebajikan yang lebih tinggi.

Dari segi peruntukan pembangunan, keutamaan akan terus diberikan kepada pembangunan sumber manusia, pertanian dan pembangunan luar bandar serta perkhidmatan sosial. **Perbelanjaan pembangunan** kasar yang lebih rendah, berjumlah RM28,382 juta, akan dibelanjakan bagi tujuan pendidikan dan latihan, khususnya untuk melatih pekerja berpengetahuan (*K-workers*) serta meningkatkan pengetahuan komputer dan penggunaan ICT. Perbelanjaan turut ditumpukan kepada pembangunan pertanian

dan memperbaiki kemudahan asas seperti jalan kampung dan desa, bekalan air dan elektrik serta pembinaan perumahan dan penyediaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan, di samping melaksanakan projek-projek infrastruktur termasuk lebuh raya, jambatan dan projek-projek keretapi.

Kedudukan Sumber Negara

Selaras dengan hasil eksport yang lebih tinggi serta kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih pesat, KNK dijangka meningkat kukuh sebanyak 7.3% pada tahun 2002 (2001: 1.8%). Perbelanjaan penggunaan pula diramal meningkat 5.9% (2001: 6.3%) berikutan langkah fiskal yang berkembang dan peningkatan perbelanjaan sektor swasta hasil daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, bahagian **tabungan negara kasar** kepada KNK dijangka meningkat sedikit kepada 37.4% (2001: 36.6% daripada KNK). Berikutan daripada itu, lebihan **jurang tabungan pelaburan** dijangka mencatatkan pada paras yang lebih tinggi sebanyak RM28,678 juta atau 8.4% daripada KNK (2001: RM25,070 juta atau 7.9% daripada KNK).

Dasar Monetari

Dasar monetari akan kekal akomodatif bagi melengkapi rangsangan fiskal untuk mendorong pertumbuhan ekonomi, berikutan perkembangan luar yang kurang menggalakkan. Dasar kewangan yang longgar adalah penting bagi mendorong aktiviti ekonomi, memandangkan keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Langkah melonggarkan lagi dasar monetari di peringkat global baru-baru ini akan memberikan lebih fleksibiliti untuk mengamalkan dasar monetari yang akomodatif. Di samping itu, asas-asas ekonomi Malaysia yang teguh dan sistem kewangan yang kukuh akan memberikan lebih fleksibiliti untuk mengamalkan dasar kewangan yang lebih longgar.

Dari segi kadar pertukaran mata wang ringgit yang ditetapkan pada paras RM3.80 kepada dolar AS, ianya akan terus diawasi selaras dengan perkembangan dalam dan luar negeri demi memastikan nilainya selaras dengan asas-asas

makroekonomi negara. Memandangkan pergolakan dalam pasaran mata wang asing antarabangsa, dasar Kerajaan adalah untuk mengekalkan kadar pertukaran asing yang stabil dan mantap demi memastikan kestabilan dan kepastian untuk memudahkan keputusan mengenai perancangan dan pelaburan.

Inflasi

Inflasi dijangka kekal rendah dengan IHP meningkat ke paras kurang daripada 2%. Walau bagaimanapun, peningkatan harga dalam fret, bayaran insurans dan kos pengangkutan yang lain baru-baru ini adalah membimbangkan kerana ia boleh meningkatkan kos. Permintaan dalam negeri yang tinggi boleh menimbulkan tekanan inflasi sekiranya kekurangan penawaran tidak ditangani dengan segera, terutamanya makanan. Kerajaan akan sentiasa berwaspada dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengawal inflasi. Antara langkah yang telahpun diambil, termasuk usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Guna Tenaga

Memandangkan ekonomi negara berkembang pada kadar yang sederhana, peluang pekerjaan dijangka meningkat sebanyak 4% dari 9.4 juta

pada tahun 2001 kepada 9.8 juta pada tahun 2002. Ekonomi negara dijangka terus mengalami keadaan guna tenaga penuh, dengan kadar pengangguran kekal rendah dan pasaran buruh akan terus stabil. Prospek pekerjaan baru dijangka wujud dalam bidang berkaitan teknologi maklumat, dengan bilangan jawatan dalam sektor perkilangan kekal tinggi.

Penutup

Pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2001 telah terjejas akibat persekitaran luar yang tidak menggalakkan disebabkan oleh kelembapan ekonomi AS. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia yang disokong oleh permintaan dalam negeri dijangka mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 1-2%.

Prospek pemulihan prestasi ekonomi dunia adalah masih tidak menentu dan dijangka pulih pada penghujung tahun 2002. Walaupun pemulihan ekonomi AS dan ekonomi dunia adalah masih tidak menentu, kesan kemerosotan telahpun dikurangkan dengan tindakan bersama negara-negara maju untuk meningkatkan mudah tunai serta melonggarkan dasar kewangan dan fiskal. Bagi ekonomi Malaysia, ianya dijangka pulih dari pertumbuhan yang perlahan pada tahun 2001 untuk mencatat pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi pada kadar 4-5% pada tahun 2002.